
PEMAKLUMAN KAMPUS POLITEKNIK KOTA KINABALU
SEBAGAI PUSAT KUARANTIN SEMENTARA COVID-19 DAERAH KOTA KINABALU

Kepada	:	Semua Kakitangan Dan Pelajar Politeknik Kota Kinabalu
Daripada	:	Pengarah Politeknik Kota Kinabalu
Tarikh	:	24 Mac 2020
Ruj. Fail	:	PKK/PENT/01/40 Jld. 5 (4)

Ts./Dr./Ir./Cr./Tuan/Puan

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan Warta Kerajaan bertarikh 21 Mac 2020 - Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Politeknik Kota Kinabalu tersenarai sebagai salah sebuah Pusat Kuarantin sementara bagi operasi menangani COVID-19 di negeri Sabah.

3. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Persiapan Pusat Kuarantin yang diadakan pada 23 Mac 2020 dan hasil pemantauan lokasi pada 24 Mac 2020 oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Politeknik Kota Kinabalu secara rasminya disahkan sebagai salah sebuah Pusat Kuarantin COVID-19 negeri Sabah khususnya bagi daerah Kota Kinabalu mulai 24 Mac 2020.

4. Pusat kuarantin tersebut akan beroperasi di White Crane Lodge, Politeknik Kota Kinabalu (Bangunan ULPL) bagi menempatkan pesakit COVID-19 di bawah kategori *Persons Under Investigation* (PUI) dan *Persons Under Surveillance* (PUS). Segala urusan berkaitan penyeliaan Pusat Kuarantin ini akan dikendalikan oleh pihak KKM dan pihak lain yang berkenaan. Politeknik Kota Kinabalu hanya terlibat dalam persiapan awal tempat yang diperlukan.

5. **Pusat Kuarantin ini akan beroperasi mulai 24 Mac 2020 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.**

6. Bagi tujuan ini, **warga Politeknik Kota Kinabalu adalah :**

- 6.1 DILARANG** untuk berada berhampiran dengan Pusat Kuarantin ;
- 6.2 DILARANG MEMASUKI** kawasan Pusat Kuarantin ;
- 6.3 DILARANG** meletakkan kenderaan berhampiran dengan Pusat Kuarantin ;
- 6.4 KELUAR/MASUK** kampus menggunakan laluan pintu kedua seperti yang diarahkan sebelum ini ; dan
- 6.5 Menggunakan laluan alternatif** dalam kampus jauh daripada Pusat Kuarantin.

7. Sebagai langkah keselamatan, pita keselamatan telah dipasang di sekeliling pusat kuarantin sebagai amaran/peringatan kepada warga Politeknik Kota Kinabalu.

8. Warga Politeknik Kota Kinabalu juga diingatkan untuk sentiasa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa, serta mengamalkan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan diri seperti yang disarankan oleh KKM sebagai usaha pencegahan wabak COVID-19 ini.

9. **Arahan ini berkuatkuasa SERTA MERTA.** Tertakluk kepada sebarang perubahan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Kerjasama Ts./Dr./Ir./Cr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Ts. ZAINAB BINTI OTHMAN ADK
PENGARAH
POLITEKNIK KOTA KINABALU

Tarikh : 24 MAC 2020